



 MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI	GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PEMASANGAN LAMPU JALAN AWAM MBSP
---	--

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pemohon berhubung Garis Panduan Permohonan dan Pemasangan Lampu Jalan Awam MBSP. Garis panduan ini merangkumi proses berikut:

- a. Carta aliran kerja proses permohonan pemasangan lampu jalan awam MBSP
- b. Borang permohonan pemasangan lampu jalan awam MBSP

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN ULASAN PEMASANGAN LAMPU
JALAN AWAM MBSP**

- I. Lampu jalan awam yang dipasang berdasarkan jenis tiang konkrit TNB berdasarkan jalan dan kedudukan tiang seperti berikut:-

BIL	JENIS JALAN	SYARAT PEMASANGAN
1	Jalan Taman Perumahan	1) Boleh dipertimbangkan dengan syarat-syarat berikut: a) Lampu dipasang dengan syarat jarak tiang sediaada diantara 30-35 meter.
2	Jalan Kampung/ Minitar	b) Mengikut kesesuaian di tapak.
3	Jalan yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri:- a) Jalan senggaraan MBSP b) Selain jalan senggaraan MBSP	a) Permohonan lampu jalan awam akan dipertimbangkan seperti kaedah di para 1 dan 2. b) Permohonan akan di panjangkan kepada pihak berkuasa jalan berkenaan.
4	Persimpangan jalan, selekoh merbahaya, bonggol jalan, tepi pondok bas, kawasan alat permainan bawah senggaraan MBSP dan lain-lain lokasi berisiko berlaku kemalangan dan kegiatan jenayah pada waktu malam.	Pemasangan akan dipertimbangkan oleh MBSP atas faktor keselamatan.



- II. Kawasan yang tidak diberi perkhidmatan lampu jalan awam MBSP adalah seperti berikut:-
- Dalam kawasan berpagar (contoh sekolah, klinik, rumah ibadat dan lain-lain berkaitan)
 - Dalam kawasan rumah pangsa/flat di bawah tanggungjawab Join Management Body (JMB) / Management Body (MB)
 - Jalan / lorong belakang taman perumahan.
 - Kawasan rumah sesebuah (tanah lot) kampung.
 - Kawasan persendirian.
- III. Permohonan lampu jalan di tiang-tiang sedia ada **WAJIB** melalui:-
- Ahli Parlimen / Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)
 - Ahli Majlis
 - Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) / Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)
 - Persatuan Penduduk / Rukun Tetangga

Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Lampu Jalan Awam MBSP yang boleh diperolehi melalui laman sesawang MBSP (www.mbsp.gov.my) atau di tingkat 3 Jabatan Kejuruteraan, Menara Bandaraya bangunan MBSP Bandar Perda. Borang permohonan perlu **dilengkapkan bersama maklumat pemohon dan pelan cadangan pemasangan yang jelas** semasa mengemukakan permohonan.

- IV. Caj Pemasangan dan Pembiayaan Lampu Jalan Awam dikatogerikan seperti berikut:-

BIL	KATEGORI CAJ SESALUR PEMASANGAN (CSP)	PIHAK PEMBIAYA
1	Tambahan tiang dan caj sesalur	Ahli Parlimen / ADUN / Ahli Majlis / JKKK/ MPKK / Pemohon atau mana-mana pihak bagi tujuan CSR.
2	Caj sesalur di tiang sedia ada	

* Bil elektrik bagi pemasangan lampu jalan akan dibiayai oleh MBSP yang mana ianya termasuk kos penyelenggaraan, manakala kos pemasangan yang melibatkan 2 kategori di atas perlu dibiayai oleh Ahli Parlimen / ADUN / Ahli Majlis / JKKK/ MPKK / Pemohon atau mana-mana pihak bagi tujuan CSR.

- V. Pihak pembiaya perlu menjelaskan caj sesalur pemasangan yang dikenakan oleh pihak TNB dalam tempoh tarikh sah laku caj sambungan pengguna (CSP) yang dikeluarkan oleh TNB. Sekiranya bayaran **GAGAL** dijelaskan dalam tempoh tersebut, Permohonan Lampu Jalan Awam tersebut terbatal dengan sendirinya. Sekiranya pihak pemohon masih berminat, pemohon perlulah mengemukakan semula borang Permohonan lampu jalan Awam kepada MBSP untuk diproses.
- VI. Proses kerja / carta aliran kerja dan cadangan borang baru Permohonan Pemasangan Lampu Jalan Awam MBSP adalah seperti di Lampiran B dan Lampiran C.